

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

DI DALAM PERKARA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

PERBUATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MELACURKAN DIRI
DI BAWAH SEKSYEN 25 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH
SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001

JENAYAH NO: 11300-141-XXXX-2018

ANTARA

KETUA PENDAKWA SYARI'E ...PENDAKWA SYARI'E
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH
NEGERI TERENGGANU

LAWAN

XCXC ...ORANG KENA TUDUH
No. KP :85XXXX-11-5XXX

DI HADAPAN YANG ARIF,
TUAN HAJI MOHD NAZRI BIN YUSOF, PJK.
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU

DALAM MAHKAMAH TERBUKA

PADA HARI ISNIN, 4 RABIUL AWAL 1440H
BERSAMAAN 12 NOVEMBER 2018

KES JENAYAH ini didengar di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu, dengan kehadiran Pendakwa Syarie, Puan Khanurulhajja binti Mustaffa dari Jabatan Pendakwaan Syariah Terengganu, dan Orang Kena Tuduh yang hadir secara bersendirian, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF TUAN HAKIM MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT :-**

[ALASAN PENGHAKIMAN]

- [1] Kes yang disebut dan didengar di hadapan saya ini ialah tuduhan *perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri* di bawah Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen dan Enakmen yang sama iaitu boleh didenda tidak melebihi lima (5) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau disebat tidak melebihi enam (6) sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- [2] Di dalam kes ini, OKT mengaku bersalah di atas pertuduhan yang dibacakan ke atas beliau itu tanpa sebarang syarat.

Fakta Kes

- [3] Orang Kena Tuduh, XCXC, KP: 85XXXX-11-5XXX (selepas ini disebut 'OKT') yang ditangkap pada 17/8/2018, jam lebih kurang 12:45 tengah malam hingga 1:15 pagi, di bilik No. XX, Kijal XXXX, No. XXX, KM28, Jalan Chukai-Dungun, Persiaran XXXXX, Pantai Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu dipertuduhkan atas perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri sepertimana termaktub di bawah Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- [4] OKT ditetapkan tarikh sebutan pertama di Mahkamah pada tarikh 12/11/2018 di Dewan 3, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu. OKT hadir dan kata-kata tuduhan telah dibaca

kepada OKT. Mahkamah terlebih dahulu beri penjelasan kepada OKT berkenaan dengan kesalahan dan kesan apa-apa pengakuan yang dibuat, dan bagi memberi ruang dan peluang OKT untuk benar-benar memahami pertuduhanke atas beliau ini. OKT membuat pengakuan salah.

- [5] Kemudian kata-kata tuduhan dibacakan semula, dan OKT tetap dengan pengakuan bersalah atas tuduhan tersebut. OKT akui tidak dipaksa mana-mana pihak.
- [6] Seterusnya Mahkamah menegaskan lagi kesan dan akibat pengakuan OKT itu. Namun OKT masih mengaku salah. Oleh itu Mahkamah berpuashati dengan pengakuan salah OKT tersebut.
- [7] Pendakwa Syarie membentangkan fakta kes kepada OKT untuk direkodkan pengakuan, dan OKT telah membuat pengakuan bersetuju dengan fakta kes dan mengakuinya adalah benar.
- [8] Setelah Mahkamah berpuashati dengan pengakuan OKT itu, Mahkamah telah sabitkan OKT bersalah dengan kesalahan atas perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri sepertimana termaktub di bawah Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- [9] Mahkamah terlebih dahulu memberi peluang kepada OKT sama ada ingin meneruskan proses rayuan hukuman (mitigasi) pada hari ini atau ditangguhkan kepada masa lain, yang mana OKT boleh lebih bersedia bagi proses rayuan hukuman itu. OKT memohon untuk diteruskan rayuan hukuman (mitigasi) pada hari ini juga dan

tidak mahu menanggungkan kepada masa lain kerana telah bersedia untuk buat rayuan hukuman (mitigasi). OKT juga memaklumkan tidak akan melantik mana-mana Peguam Syarie.

[10] Mahkamah meneruskan prosiding dengan mengarahkan OKT membuat rayuan hukuman (mitigasi) dan OKT telah membuat rayuan hukuman itu secara lisan di dalam Mahkamah dan direkodkan oleh Mahkamah.

[11] Seterusnya Mahkamah meneruskan prosiding dengan mengarahkan pihak pendakwaan mengemukakan hujah pihak pendakwaan secara lisan di dalam Mahkamah ini.

Y.A Tuan Haji Nazri Bin Yusof, HMTS memberikan penghakiman:-

[12] [Isu persoalan pertama– Sama ada Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa] – Bidangkuasa Mahkamah adalah amat penting untuk diambil perhatian kerana tanpanya Mahkamah tidak boleh menghukum atas mana-mana kesalahan yang dipertuduhkan.

[13] Muhammad Salam Madkur di dalam kitab *al-Qada' fi Islam*, terbitan Matbaah al-Alamiyyah, Kaherah, 1994, hlm 54 menyebut:

هو أن يخصص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد

ذلك بنوع معين من القضايا ، كالأحوال الشخصية، أو المدني ،

Terjemahannya: *Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan di buat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; Oleh yang demikian, Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang ianya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa yang tidak diberi kepadanya.*

- [14] Perlembagaan Persekutuan antara lain telah memperihalkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan status Mahkamah Syariah; iaitu Mahkamah yang diletakkan di bawah bidangkuasa negeri. Fasal 2 kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam

Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

[15] Jadual Kesembilan, Senarai (2) Perlembagaan Persekutuan Butiran (1), memperuntukkan:

1. Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan.....; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan;.....

[16] Mengikut peruntukan Hukum Syarak dan bidangkuasa yang diberi oleh undang-undang bertulis, jelaslah bahawa Pemerintah diberi kuasa mengkhususkan kuasa Hakim, termasuk Hakim Syarie atau Mahkamah yang mana diketuai oleh seseorang Hakim itu.

[17] Mengenai persoalan ini bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, dibaca seperti berikut:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(a) **Dalam bidang kuasa jenayahnya,** membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

[18] Kesalahan yang cuba untuk dilakukan ialah *perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri* di bawah Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang berbunyi :

Seksyen 25. Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri.

Mana-mana orang perempuan yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

[19] Mahkamah juga berpuashati bahawa kes yang disebut dan didengar ini adalah kes yang diklasifikasikan sebagai *kes kesalahan boleh tangkap* sebagaimana diperuntukkan di dalam

subseksyen 2 (1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, iaitu *sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Syariah atau Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran.*

[20] Maka jelaslah bahawa kes ini adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidangkuasa asalnya yang mana dalam bidangkuasa jenayah boleh menjatuhkan hukuman maksima denda RM 5000 atau 3 tahun penjara atau 6 sebatan.

[21] Mahkamah Tinggi Syariah juga bidangkuasanya adalah merangkumi seluruh kawasan dan melangkau sempadan seluruh daerah negeri Terengganu dan juga mempunyai bidangkuasa asal Mahkamah itu sendiri sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

[22] Had bidang kuasa tempatan Mahkamah tersebut terkandung di bawah Seksyen 67 dan 68 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001:

Seksyen 67. Tempat biasa bagi perbicaraan.

Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya kesalahan itu telah dilakukan.

Seksyen 68. Tertuduh boleh dibicarakan di tempat di mana perbuatan dilakukan atau di mana akibat berikutan.

Apabila seseorang dituduh melakukan apa-apa kesalahan oleh sebab apa-apa jua yang telah dilakukan atau oleh sebab apa-apa akibat yang berikutan, kesalahan itu boleh dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya mana-mana perkara itu telah dilakukan atau mana-mana akibat itu telah berikutan.

- [23] Berdasarkan kata-kata tuduhan dan fakta kes yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa Syarie, Mahkamah berpuashati bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT ini adalah dilakukan di bilik No. XX, Kijal XXXX, No. XXX, KM28, Jalan Chukai-Dungun, Persiaran XXXXX, Pantai Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu di mana di bawah had bidang kuasa Mahkamah ini.
- [24] Oleh itu, Mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa kes ini adalah kes di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dan Mahkamah ini adalah berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskannya.
- [25] [Isu Persoalan Kedua - Pengakuan salah dan sabitan] – Pertuduhan ke atas OKT dilakukan pada 17/8/2018, jam lebih kurang 12:45 tengah malam hingga 1:15 pagi, di bilik No. XX, Kijal XXXX, No. XXX, KM28, Jalan Chukai-Dungun, Persiaran XXXXX, Pantai Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu.

[26] Berikut adalah kata-kata tuduhan ke atas OKT, yang dibaca di hadapan OKT pada 12/11/2018:

KATA-KATA TUDUHAN

Bahawa kamu, pada tarikh 17.8.2018, jam lebih kurang 12:45 tengah malam hingga 1:15 pagi, bertempat di bilik bilik No. XX, Kijal XXXX, No. XXX, KM28, Jalan Chukai-Dungun, Persiaran XXXXX, Pantai Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu didapati melakukan satu perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri dengan menawarkan khidmat seks kepada seorang lelaki. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[27] Berikut adalah fakta-fakta ringkas kes kedua-dua OKT yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwa dan telah diakui setuju dan benar oleh kedua-dua OKT:

Bertindak di atas maklumat, satu operasi berkaitan pelacuran telah dilakukan oleh anggota Penguatkuasa Syariah pada 17.8.2018 jam lebih kurang 12:45 tengah malam ke atas bilik bilik No. XX, Kijal XXXX, No. XXX, KM28, Jalan Chukai-Dungun, Persiaran XXXXX, Pantai Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu. Ketika sampai, keadaan pintu utama bilik tertutup rapat dan

berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu bilik sambil memberi salam beberapa kali. Lebih kurang 5 minit, pintu telah dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dan masuk ke dalam bilik bersama rakan-rakan setugas untuk membuat pemeriksaan lanjut dan mendapati ada seorang perempuan berada dalam bilik keadaan memakai baju t dan berseluar celoreng askar. Soal siasat yang dilakukan oleh pengadu mendapati perempuan tersebut telah mengaku bahawa dia menjalankan aktiviti perkhidmatan seks dengan bayaran antara RM300.00 hingga RM1500.00 untuk satu malam dan berada bersama dalam bilik XX dengan pelanggannya untuk melakukan hubungan seks di antara jam 12:45 tengah malam hingga 1:15 pagi pada hari kejadian dan lelaki tersebut adalah pelanggan kepada tertuduh. Siasatan lanjut juga mendapati perempuan tersebut telah menerima wang sebanyak RM300.00 secara terus daripada lelaki tersebut pada hari kejadian dengan RM50.00 daripada jumlah telah didepositkan ke dalam akaun tertuduh. Tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke Pejabat Agama Daerah Kemaman untuk tindakan lanjut. Terdapat beberapa barang yang disita untuk dijadikan barang kes.

Keterangan diri tertuduh sebagaimana berikut:

Nama perempuan : XCXC, KP: 85XXXX-11-5XXX, Umur : 33 Tahun, Alamat : XXX Kampung XXX, 09020 Kulim,


Kedah, Pekerjaan : Freelance, Status : Belum Berkahwin.

[28] Pihak Pendakwa telah mengemukakan 9 barang kes yang telah ditunjukkan kepada OKT dan dibenarkan oleh Mahkamah sebagai penandaan. OKT membuat kenyataan bahawa barang-barang kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah dicamkan benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT. Seterusnya pihak Pendakwa memohon 9 barang tersebut dilupuskan. 9 barang tersebut antaranya:

- a) Buku Jadual Open Day, dicamkan oleh OKT – P2
- b) KY Pelincir, dicamkan oleh OKT – P3
- c) Duit RM250, dicamkan oleh OKT – P4
- d) 3 keping kondom yang belum digunakan, dicamkan oleh OKT – P5
- e) 3 keping kondom yang sudah digunakan, dicamkan oleh OKT – P6
- f) Kasut bertali warna hitam, dicamkan oleh OKT – P7
- g) Telefon jenama YES 4G, dicamkan oleh OKT – P8
- h) 2 keping memori kad telefon yang belum digunakan, dicamkan oleh OKT – P9
- i) 3 plastik kondom yang telah digunakan, dicamkan oleh OKT – P10

[29] Sabitan di dalam kes OKT ini adalah berdasarkan *iqrar*. Mahkamah berpendapat adalah perlu dijelaskan sabitan ke atas pertuduhan mengikut *iqrar* OKT. *Iqrar* adalah merupakan salah

satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syarak. Tidak terdapat perselisihan pendapat di kalangan ahli-ahli perundangan Islam (fuqaha') mengenainya. Ianya sabit berdasarkan nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah S.W.T dalam ayat 135 dari surah al-Nisa' :



Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekali pun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu..“

[30] Yang dimaksudkan dengan kesaksian ke atas diri kamu sendiri di dalam ayat di atas itulah *iqrar*. *Iqrar* mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang disebut oleh Zainuddin al-Malibariy dalam kitab *Fanat al-Talibin*, yang mana selesai dikarang keseluruhannya pada 23 Syawal 1300, juzuk ketiga, hlm 187 ada menyebut :

هو لغة الاثبات وشرعا اختيار الشخص بحق عليه ويسمى اعترافا

Terjemahannya: *Iqrar* dari segi bahasa bererti mensabitkan, manakala mengikut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas diri pemberitahu itu. *Iqrar* disebut juga sebagai iktiraf.

[31] Al-Shaykh Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Sharbini al-Khatib, meninggal dunia dalam tahun 977 Hijriyyah, di dalam kitabnya, *Mughni al-Muhtaj*, jilid kedua, hlm 238 menyebut:

واركانها ربعة مقرومقرهوصيغةومقره

Terjemahannya : “Rukun iqrar itu ada empat perkara iaitu muqirrun (orang yang melafazkan iqrar), muqarrun lahu (orang/pihak yang diberikan iqrar untuknya oleh pembuat iqrar), sighthah (ucapan atau kata-kata iqrar), dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang beriqrar)”.

[32] Manakala di dalam Seksyen 17, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan:

(1) Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

(2) Sesuatu iqrar hendaklah dibuat -

*(a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim;
atau*

(b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, baligh dan 'adil.

(3) Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.

- [33] Di dalam kes ini, sebelum Mahkamah menerima apa-apa *iqrar* atau pengakuan OKT, perkara-perkara berikut bagi OKT hendaklah dan telah diberi pertimbangan dengan sewajarnya oleh Mahkamah.
- [34] Pertama, setelah selesai Pegawai Mahkamah membaca kata-kata tuduhan ke atas OKT, OKT membuat pengakuan dengan jelas bahawa dia faham akan kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atas dirinya. Mahkamah mencelah dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya itu.
- [35] Kedua, setelah Pegawai Mahkamah bertanya kepada OKT sama ada OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah, OKT dengan terang dan nyata mengaku salah. Mahkamah mencelah dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai mengaku salah ke atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. OKT menjelaskan bahawa dia mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya bahawa dia telah dituduh melakukan satu perbuatan sebagai persediaan melacurkan diri. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan pengakuan salahnya itu, dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku bersalah di atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.

[36] Keadaan ini menunjukkan bahawa OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syarie (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *kesalahan bagi perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh telah melakukan satu kesalahan itu. Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagaimana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan Seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan.

[37] Oleh yang demikian, pada peringkat kata-kata tuduhan dan pada peringkat mendapat kepastian daripada OKT sama ada OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah dengan kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, dibaca ke atas OKT, Mahkamah berpuashati bahawa OKT faham akan tuduhan yang dikenakan ke atasnya serta mengaku salah di atas tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.

[38] Ketiga, Pegawai Mahkamah menjelaskan kepada OKT bahawa atas pengakuan salahnya itu OKT boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau dikenakan sebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu mengikut peruntukan di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah

Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. OKT dengan terang membuat pengakuan bahawa dia tetap mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya sebagaimana yang telah dibaca sebentar tadi. Mahkamah mencelah, sama ada OKT telah diugut oleh orang tertentu atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diugut oleh mana-mana pihak. Mahkamah sekali lagi mencelah, sama ada OKT telah diajar oleh orang tertentu, misalnya Pegawai Penguatkuasa atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak.

[39] Keadaan ini menunjukkan bahawa pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak.

[40] *Iqrar* yang dibuat oleh OKT ini hendaklah diterima kerana tidak ada alasan yang membolehkan *iqrar* itu tidak boleh diterima sebagaimana Seksyen 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001:

- (1) *Iqrar* yang berikut tidak boleh diterima:
 - (a) *iqrar* seseorang yang tidak 'aqil baligh;
 - (b) tertakluk kepada subseksyen (2), *iqrar* orang belum dewasa;

- (c) *iqrar orang gila atau orang terencat akal (ma'tuh);*
- (d) *iqrar wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang di bawah jagaan atau tanggungjawabnya;*
- (e) *iqrar yang tidak dibuat secara sukarela; atau*
- (f) *iqrar seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (Mahjur 'alaih).*

[41] Setelah Mahkamah meminta pengakuan daripada OKT, fakta-fakta ringkas kesdikemukakan secara lisan oleh Pegawai Pendakwa Syarie, iaitu sama ada fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan itu benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak. OKT dengan jelas membuat kenyataan bahawa fakta-fakta ringkas kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT.

[42] Mahkamah berpuashati dan merekodkan pengakuan OKT, dan dengan yang demikian, OKT disabitkan atas kesalahan telah melakukan satu kesalahan.

[43] [Isu persoalan ketiga – hukuman takzir yang dikenakan ke atas OKT] – Dari segi hukuman ke atas kesalahan OKT adalah berbentuk hukuman takzir, yang mana mengikut Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, apabila disabitkan boleh dihukum dengan salah satu bentuk hukuman iaitu didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

[44] Takzir adalah bermaksud satu bentuk seksaan (pukulan) yang tidak sampai ke tahap hukuman hudud yang tidak ditentukan kadarnya oleh syarak ke atas pesalah. Definisi Takzir menurut pandangan Dr. Abdul Aziz di dalam kitab التعزير في الشريعة الإسلامية halaman 38, cetakan Dar al-Fikr Al- Arabiy tahun 2007 ialah:

ويعرفه الفقهاء بأنه عقوبة غير مقدرة تجب حقا لله أو لآدمي،
ففي كل معصية ليس فيها حد ولا كفارة، وهو كالحدد في أنه
تأديب استصلاح وزجر.

Terjemahan: "Fuqaha' mentakrifkan (takzir) sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadar wajibnya, sama ada berkaitan hak Allah atau hak manusia, dan juga perbuatan maksiat yang tiada ditetapkan hukuman had dan hukuman kaffarah padanya, tujuan hukuman takzir adalah sama seperti pelaksanaan hukuman had (hudud) iaitu bertujuan untuk memberi pengajaran (ta'dib) pengislahan, (pemulihan) dan menghalang daripada terus melakukan perkara itu."

[45] Merujuk kepada kitab "فقه المعتقلات والسجون بين الشريعة والقانون" karangan Prof. Dr. Hassan Abdul Ghani Abu Ghuddah, halaman 28, cetakan Maktabah al-Rasyid Beirut menyebut :

ضابط ما فيه التعزير : المعاصي التي لا حد فيها ولا كفارة

Terjemahan: Hukuman takzir ialah hukuman yang dikenakan ke atas perbuatan-perbuatan maksiat yang tidak ada hukuman had yang khusus serta tidak ada hukuman kaffarah ke atas perbuatan tersebut.

[46] Menurut Ibnu Farhun al-Maliki pula, hukuman Takzir ialah:

التعزير لا يختص بالسوط واليد والجس وإنما ذلك موكول إلى
إجتهد الحاكم قال أبو بكر الطرطوشي في أخبار الخلفاء
المتقدمين : إنهم كانوا يعاملون الرجل على قدرة وقدر جنايته ,
فمنهم من يضرب ومنهم من يجبس ومنهم من يقام واقفا على
قدمية في المحافل , ومنهم من تترع عمامته , ومنهم من يحل إزاره

Terjemahan: Hukuman Takzir tidak tertentu dengan pukulan (seperti kayu) atau pukulan dengan tangan atau dengan dikurung (penjara). Sebaliknya hukuman tersebut adalah mengikut ijtihad serta kebijaksanaan seorang Hakim yang membicarakan kes tersebut.

[47] Kata Imam Ibnu Taimiyyah di dalam kitabnya السياسة الشرعية halaman 112 juga ada berpendapat:

المعاصي ليس لها حد مقدر ولا كفارة كالذي يقبل المرأة الأجنبية
أو يباشر بلا جماع أو يأكل ما لا يحل كالدم والميتة أو غير ذلك
من أنواع المحرمات , فهؤلاء يعاقبون تعزير أو تنكيلا وتأديبا بقدر
ما يراه الوالي على حسب كثرة الذنب في الناس وقلته

Terjemahan: “Kesalahan maksiat yang tidak ditentukan oleh syarak akan hukum had dan kaffarah kepada pelaku maksiat seperti kesalahan bercumbu-cumbuan dengan perempuan ajnabi , atau beromen-romen (berasmara) tanpa sampai bersenggama (jimak) , atau makan makanan yang diharamkan oleh Allah Taala seperti makan darah dan bangkai, atau melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah Taala selain daripada perkara yang disebut di atas.

[48] Maka mereka dikenakan hukuman Takzir atau dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan supaya menjadi contoh kepada masyarakat atau dikenakan hukuman yang berbentuk mendidik kepada pesalah maksiat tersebut, segala bentuk hukuman yang dikenakan kepada pesalah maksiat adalah mengikut kebijaksanaan pemerintah (Hakim) dari sudut besar atau kecil kesalahan tersebut.

[49] Kata Ibnu Taimiyyah lagi:

فإذا كان كثير زاد في العقوبة , بخلاف ما إذا كان قليلا , وعلى

حسب حال المذنب

Terjemahan: Jika kesalahan yang dilakukan itu banyak maka hendaklah ditambahkan hukuman ke atasnya, sebaliknya jika kesalahan yang dilakukan itu adalah sedikit maka hukumannya adalah dikurangkan.

- [50] Hukuman yang dikenakan kepada pesalah jenayah Takzir juga adalah mengikut keadaan diri pesalah tersebut.

فإذا كان من المدمنين على الفجور زيد في عقوبته , بخلاف المقل

من ذلك , وعلى حسب كثرة الذنب وصغره

Terjemahan: Jika pesalah jenayah Takzir tersebut kerap kali melakukan jenayah tersebut berulang-ulang kali maka hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah lebih berat lagi dari hukuman yang dikenakan sebelum itu.

- [51] Adapun jika kesalahannya adalah kecil maka hukumannya juga adalah tidak berat, hukuman yang dikenakan kepada pesalah jenayah adalah mengikut keadaan jenayah yang dilakukan sama ada banyak atau sedikit.

- [52] Kata Imam Ibnu Taimiyyah di dalam kitabnya, “*al-Hisbah fi al-Islam*” hlm 48 bahawa di antara contoh Takzir yang dilaksanakan oleh para sahabat Nabi s.a.w ialah hukuman Takzir yang dilaksanakan oleh Saidina Umar r.a iaitu :

1. Saidina Umar r.a telah memerintahkan muka pesalah jenayah Takzir tersebut dipalingkan ke belakang ketika menunggang, ini adalah kerana si penjenayah telah melakukan jenyah menukar-nukarkan matan hadis sehingga menjadi “Hadis Maqlub” hadis yang tidak boleh diterima di sisi Islam.
2. Saidina Umar juga telah menjatuhkan hukuman menghitamkan muka kepada pesalah jenayah Takzir. Ini kerana penjenayah suka membohongi dan bercakap dusta kepada orang ramai tanpa ada perasaan malu kepada Allah Taala.

[53] Kata Prof. Dr. Muhammad Baltajiy di dalam kitabnya, “*al-Jinayah wa Uqubatuha fi al-Islam*” muka surat64:

والحكم ذلك هو ظروف الجناية وشخص مرتكبها ورؤية

القاضي لما يصلح فيها

Terjemahan: Hukuman Takzir yang dikenakan kepada penjenayah adalah mengikut tahap jenayah yang dilakukannya, serta pandangan qadhi terhadap kesan hukuman kepada penjenayah tersebut.

[54] Di dalam kitab "الفقه المتقلات والجون بين الشريعة والقانون" karangan Prof. Dr. Hassan Abdul Ghani Abu Ghuddah , halaman 27, cetakan Maktabah al-Rasyid Beirut ada menyebut :

وقد فوض الشارع الحاكم في تقدير التعزير تبعا لإختلاف

أحوال الجاني و جنايته

Terjemahan: Sesungguhnya, syarak menyerahkan kepada kebijaksanaan seorang Hakim pada menentukan kadar Takzir kerana berlakunya perbezaan keadaan penjenayah dan juga jenayah yang telah dilakukannya.

- [55] Berkata Imam as-Syarwaniy dan Ibnu Qasim al-'Ibadiy 'ala Tuhfah al-Muhtaj Li al-Haitamiy" jilid 11, halaman 539, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Beirut Lebanon dan juga di dalam kitabkarangan Prof. Dr. Hassan Abdul Ghani Abu Ghuddah berjudul { "فقه المتقلات والجون } hlm 27, cetakan Maktabah al-Rasyid Beirut ada menyebut :

وذكر العلماء: أنه لا يجوز تعزير أحد بما لا يليق به ويتعين على

الإمام أن يعزر كل جان بما يراه لائقا به وبجنايته من أنواع

التعزير , وأن يراعي الترتيب والتدرج, فلا يرقى لرتبة وهو يرى ما

دونها كافيا

Terjemahan: Para ulama berkata, "Tidak harus menjatuhkan hukuman Takzir kepada seseorang dengan sesuatu yang tidak sepatut baginya, ketentuan

hukuman Takzir kepada penjenayah adalah ditentukan oleh Imam (Hakim) mengikut kepatuhan pada diri penjenayah dan juga jenayah yang dilakukannya. Hakim sepatutnya meraikan daripada sudut tertib hukuman dan peringkat hukuman, maka tidak harus bagi seorang hakim melangkaui hukuman ke peringkat yang lebih tinggi selagi mana hukuman yang di bawahnya dikira mencukupi bagi penjenayah tersebut.”

[56] Di dalam kitab "التشريع الجنائي الإسلامي مقارنا بالقانون الوضعي" karangan as-Syahid Abdul Qadir Audah halaman 687, jilid 1, cetakan Muassasah al-Risalah , tahun 2000 ada menerangkan berkenaan bidang kuasa seseorang Hakim dalam menentukan kadar Takzir yang dikenakan kepada pealah jenayah seperti katanya:

أما التعازير فهي عقوبات غير مقدرة , فللقاضي أن يختار من
بينها العقوبة الملائمة, وللقاضي أن يترل بالعقوبة إلى حدها
الأدنى أو يرتفع بها إلى الحد الأعلى

Terjemahan: Adapun hukuman Takzir ialah seksaan yang tidak ditentukan kadarnya, maka seorang Hakim boleh memilih hukuman yang setimpal dengan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pesalah jenayah Takzir.

[57] Daripada pandangan ulama muktabar di atas, Mahkamah dapat merumuskan bahawa sesuatu kes yang didapati seseorang bersalah hukumannya adalah bergantung kepada budibicara Hakim itu sendiri, sama adamenurunkan hukuman kepada OKT ke tahap yang minima atau ke tahap yang maksima.

[58] Pada masa yang sama, kesalahan ini adalah termasuklah kesalahan hukuman takzir, maka adalah tidak wajar sekiranya kesalahan seperti ini dibincangkan dalam ruang lingkup kesalahan hudud seperti zina. Mahkamah ini hanya berbidangkuasa dalam kesalahan yang dihukum dengan takzir sahaja.

[59] [Isu persoalan keempat - faktor-faktor pemberatan dan peringanan dalam menjatuhkan hukuman ke atas OKT] –Mahkamah mengambil kira beberapa faktor yang berkait dengan kesalahan OKT dan rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) OKT serta hujah Pegawai Pendakwa Syarie.

[60] Mahkamah semasa dalam prosiding kes berjalan dan sebelum sebarang hukuman dijatuhkan ke atas OKT telah memberikan peluang kepada OKT membuat apa-apa rayuan peringanan terhadap hukuman yang akan dijatuhkan oleh Mahkamah. OKT membuat rayuan peringanan hukuman sebagaimana m/s 5 Nota Bicara yang berikut:

- a) OKT masih mempunyai komitmen lain seperti hutang bank dan hutang kawan-kawan serta ibu OKT

- b) OKT tidak bekerja tetap tetapi sebagai part-time cleaner, menjaga catering, sale assistance di XXXX, Kuala Lumpur.
- c) OKT memohon dihantar ke pusat pemulihan

[61] Mahkamah seterusnya melihat kepada hujah pihak pendakwaan bagi maksud pemberatan atau kewajaran apa-apa hukuman ke atas OKT. Pendakwa berhujah secara lisan untuk menegaskan seriusnya kes OKT, di mana antara komentar dan hujahan pihak Pendakwa Syarie ialah:

- a) Elemen pertuduhan adalah amat serius sebagaimana termaktub di dalam Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- b) OKT pada hari tangkapan sedar perbuatan dilakukan adalah salah di sisi agama dan beliau sedar telah membuat perancangan dengan tujuan utama melakukan maksiat.
- c) Perbuatan OKT menawarkan khidmat seks dengan bayaran wang ringgit melampaui batas agama dan bercanggah dengan Hukum Syarak, sehingga berani menggadai maruah diri sebagai perempuan beragama Islam.
- d) Kesalahan OKT adalah berat kerana menghampiri zina.
- e) Umur OKT melebihi 18 tahun melayakkan beliau menerima hukuman berat.

[62] Berdasarkan kepada fakta kes dan rayuan peringanan tersebut, dan bagi maksud peringanan hukuman yang akan dijatuhkan ke

atas OKT, Mahkamah melihat kepada pengakuan bersalah yang dibuat OKT. Pengakuan bersalah atau *iqrar* yang dibuat oleh OKT memberikan satu gambaran bahawa OKT benar-benar mengetahui dan memahami tentang kesalahan yang telah dilakukan dan juga menunjukkan OKT benar-benar sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan kesalahan tersebut. Sekiranya tidak wujud perkara itu, sudah tentu OKT tidak membuat pengakuan bersalah kerana implikasi dari pengakuan bersalah itu OKT boleh dan akan dikenakan hukuman yang sewajarnya sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang. Pengakuan bersalah OKT juga dilihat sebagai satu faktor peringanan kerana ia dapat membantu Hakim membuat keputusan dengan lebih yakin, menjimatkan masa Mahkamah dengan menjadikan pengendalian kes lebih singkat dan memberi peluang kepada Pendakwa menumpukan perhatian kepada kes-kes yang lebih berat dan serius.

[63] Oleh itu, pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini boleh diambil kira oleh Mahkamah ini untuk dijadikan satu asas bagi tujuan pertimbangan peringanan hukuman ke atas OKT dengan pandangan dan dapatan bahawa OKT benar-benar tahu dan sedar bahawa dirinya adalah bersalah.

[64] Di dalam kes *Zarina Mahamad Budi Iwn Ketua Pendakwa Syarie Pulau Pinang* [JH 2006/1427H, Jld.XV Bhg. II], Perayu dalam kes ini telah mengaku salah di bawah seksyen 35 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996, iaitu menggalakkan maksiat dan telah dikenakan hukuman penjara dan denda sebanyak RM 4,000.00 atau jika gagal bayar denda, penjara 12

bulan selama selama 6 bulan. Walaubagaimanapun, Perayu telah merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Panel Rayuan telah memutuskan ke atas Perayu sebelum ini diketepikan dan hukuman denda dikekalkan. Hakim Panel Rayuan telah memberi alasan bahawa Perayu wajar diberi peluang memandangkan dia telah mengaku bersalah dan insaf di atas kesalahannya sebelum ini.

[65] Selanjutnya merujuk kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Pahang di dalam kes *Abdul Aziz Bin Musa @ Harun Bin Suman dan Hamimah Binti Abdullah lwn. Pendakwa Syarie JAIP* [JH 2002M/1423H]. Kedua-dua perayu yang bukan suami isteri dan bukan mahram telah ditanggap berkhalwat dan telah mengaku salah atas tuduhan tersebut. Kedua-dua perayu didenda sebanyak RM800.00 dan penjara 14 hari. Rayuan Perayu 1 dan 2 untuk mengetepikan hukuman penjara 14 hari setiap seorang telah diterima dan hukuman penjara 14 hari tersebut telah dibatalkan. Dalam Penghakimannya, Yang Amat Arif Hj. Abdul Rahman Bin Md. Yunus mengambil kira faktor kesalahan pertama Perayu dan kesan hukuman ini juga akan membawa Perayu kepada tidak mengulangi lagi perbuatan maksiat ini. Yang Amat Arif juga turut menyatakan bahawa dengan meringankan hukuman ini bukanlah bererti bahawa kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang tidak berhasil dan tidak berjaya mendapatkan hukuman yang berat. Mencegah kemungkaran tidak semestinya dihukum dengan hukuman berat kerana terdapat juga kesalahan yang berat tetapi oleh kerana pembuktian yang tidak mencukupi serta dengan pertimbangan oleh hakim maka pesalah mndapat hukuman ringan. Mahkamah tempat mendapatkan keadilan dan dengan

keadilanlah boleh mengubah fikiran dan emosi seseorang itu. Apa yang utama ialah kesan kepada pesalah itu. Kesan memberi kemaafan adalah lebih mendalam di emosi seseorang itu.

[66] Selain itu, Mahkamah dapati OKT semasa membuat rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) adalah dalam keadaan yang menangis dan menyesal dengan kejadian yang berlaku dan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas beliau. Mahkamah nampak riak wajah OKT yang menangis seolah-olah OKT telah merasa sedar atas perbuatan salah yang telah dilakukan olehnya itu. Begitu juga keadaan perwatakan OKT sepanjang prosiding kes berjalan selain semasa membuat rayuan peringanan hukuman, ada menampakkan bahawa OKT benar-benar telah menyedari akan kesalahannya itu. Oleh itu, Mahkamah berpendapat faktor peringanan ini, walaupun tidak ditegaskan oleh OKT di dalam rayuan peringanan, perlu juga diberi penilaian dan dihalusi dengan sebaiknya untuk pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah ini bagi tujuan peringanan hukuman ke atas OKT.

[67] Di sini saya merujuk kepada kes *Mokhtar Bin Pangat Iwn Pendakwa Jawi*, Ulang Bicara Jenayah bil 1/1998 JH VII Bhg II 1991 mukasurat 203 di mana di dalam kes ini Prof Tan Sri Ahmad Ibrahim yang mempengerusikan Lembaga ulang bicara telah meminta hukuman penjara satu bulan kepada mengesahkan hukuman denda sahaja di atas alasan pertama Perayu dan ia mempunyai isteri dan tiga (3) orang anak. Disamping jika penjara maka kemungkinan diberhentikan kerjanya dan menyebabkan kesengsaraan keluarganya.

[68] Allah s.w.t berfirman dalam surah Al-Maidah ayat 39:

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ

غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksud: Maka sesiapa yang bertaubat sesudah dia melakukan kejahatan dan memperbaiki alam usahanya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya.

[69] Dan lagi firman Allah di dalam Surah An-Nisa' ayat 17:

إِنَّمَا التَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السُّوءَ بِجَهَالَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ

قَرِيبٍ فَأُولَئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksud: Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

[70] Kemudian mahkamah berpuashati berdasarkan rekod Mahkamah sendiri dan tidak ada sebarang kenyataan dibuat oleh pihak Pendakwaan, bahawa kesalahan ini merupakan kesalahan yang pertama bagi OKT dari sudut OKT didakwa di Mahkamah dan disabitkan bersalah dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) (2001) atau

mana-mana Undang-Undang Syariah bertulis yang lain. Fakta ini boleh membantu Mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman ke atas OKT tersebut dengan mengambil kira bahawa OKT bukanlah seorang yang seringkali bergelumang dengan kesalahan dan maksiat dan kemungkinan untuk OKT memperbaiki kesilapan yang dilakukan olehnya itu adalah besar.

[71] Berdasarkan tiadanya rekod jenayah terdahulu oleh OKT, maka Mahkamah merekodkan bahawa OKT dalam kes ini bukanlah tergolong dari kalangan "*habitual offender*". Oleh itu, faktor kesalahan kali pertama boleh diberikan pertimbangan setakat mana OKT itu dalam pandangan Mahkamah boleh diberi peluang serta berpeluang untuk memperbaiki dan memperbetulkan syakhsiah dirinya dan setakat mana OKT boleh mengambil pengajaran dari kesalahan pertama yang dilakukan dengan mengambilkira watak, latar belakang, umur, tahap kesihatan, hakikat berat atau ringannya sesuatu kesalahan tersebut.

[72] Oleh itu, Mahkamah meneliti kepada beberapa asas sebagai penilaian. Mahkamah telah mengambilkira semua kepentingan OKT yang mana OKT telah mengaku salah atas kesalahan sekaligus mengakui sedar dan insaf serta beraku janji tidak akan mengulanginya lagi, kesalahan adalah kali pertama dalam kesalahan Jenayah Syariah baginya, OKT adalah belum berkahwin, rayuan OKT agar dikurangkan hukuman, status diri OKT semasa rayuan peringanan yang mana tidak bekerja tetap pada masa ini, kesemua perkara diambil perhatian dan perkiraan oleh Mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman yang wajar ke atas OKT ini, yang mana berdasarkan kepadanya suatu

maksud peringanan hukuman boleh diberi pertimbangan ke atas OKT.

[73] [Isu persoalan kelima – kadar hukuman yang patut dikenakan kepada OKT] – Mahkamah meneliti kepada jenis-jenis hukuman yang diperuntukkan undang-undang yang mana memperuntukkan 3 jenis hukuman utama dan telah diperuntukkan secara takat yang maksima iaitu Denda tidak melebihi RM 5,000 atau Penjara tidak melebihi 3 tahun atau Sebat tidak melebihi 6 Sebatan, bersesuaian dengan peruntukan seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (pindaan) 1984 yang menyatakan takat hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah, di samping terdapat beberapa hukuman alternatif yang berada di bawah pertimbangan dan budibicara Mahkamah.

[74] Mahkamah suka menegaskan tujuan utama perlaksanaan hukuman takzir dalam syariat Islam ialah pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan. Di samping itu, terdapat berbagai-bagai tujuan lain lagi. Pencegahan ertinya mencegah pesalah dari mengulangi kesalahannya di samping mencegah orang lain juga dari melakukan perbuatan serupa itu. Oleh kerana pencegahan merupakan antara tujuan utama takzir, maka hukuman yang dibuat mestilah boleh mencapai tujuan ini. Ianya mungkin berbeza di antara satu kes dengan satu kes yang lain kerana ada orang yang boleh dicegah melalui nasihat sahaja dan ada yang perlu dihukum.

[75] Mahkamah tidak bersetuju dengan faktor pemberatan yang dibentangkan pihak Pendakwa bahawa kesalahan takzir adalah sama dengan kesalahan hudud, seperti contoh khalwat sama

dengan zina. Hukuman takzir adalah hukuman yang berdasarkan budibicara hakim. Hakim tidak terikat dengan keputusan yang diputuskan oleh hakim yang lain.

[76] Sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas OKT, suka Mahkamah berkongsi satu kisah yang berlaku di dalam peperangan Badar, sepertimanadisebut di dalam kitab *Ghazawat al-Rasul, Durus wa, 'Ibar wa Faaidoleh* Dr Muhammad al-Solabi, Cetakan Muassasah Iqra, Qahirah, hlm.63:

قالا بنعباس: (... فلما أسروا الأسارى قال الرسول لله صلوا لله عليه وسلم

لأبي بكر و عمر: ماترون في هؤلاء الأسارى؟ فقال أبو بكر: يا نبي

الله هم بنو العم والعشيرة، أرى أننا أخذنا منهم فدية فتكون لنا قوة على الكفار،

فعدس الله أن يهدىهم إلى الإسلام. فقال الرسول لله صلوا لله عليه وسلم:

ماترياً بنا الخطاب؟ قال:

لا والله يا رسول الله ما أرى بالذي أرى أن أبو بكر، ولكن أرى أننا

منهم فنضرب أعناقهم، فتمكن علينا من عقيل فيضرب عنقه، وتمكن من

فلان (نسيب لعمر) فأضرب عنقه، فإهؤلاء أئمة الكفر وصناديدها، فهو يرسو

لا لله صلوا لله عليه وسلم ما قال أبو بكر، وليه ما قلت. فلما كاننا الغد،

جئت فإذا رسول الله صلوا لله عليه وسلم وأبو بكر قاعد في بيبيكيان. قلت:

Terjemahan: **Ibn Abbas berkata:** Berhubung tawanan perang Badar seramai 70 orang Musyrikin, Bahawa Nabi SAW bertanya pandangan Saidina Abu bakar dan Saidina Umar RA. Sesungguhnya telah bersabda Nabi SAW: Apa pandangan kamu berdua tentang tawanan perang ini? Saidina Abu Bakar Menjawab: Aku

berpendapat mereka ini adalah kumpulan di kalangan saudara mara dan kaum Quraisy sebangsa dengan kita. Aku berpendapat agar mereka ini membayar wang tebusan untuk menebus diri mereka, disamping dapat mengukuhkan kewangan orang Islam. Kemudian Nabi SAW bertanya Saidina Umar. Saidina Umar menjawab: Pendapat aku tidak sama dengan Saidina Abu Bakar. Aku berpendapat bahawa mereka ini mesti dibunuh dengan dipancung kerana mereka musuh Allah dan musuh Islam. Nabi SAW kemudian membuat keputusan dengan menerima pendapat Saidina Abu Bakar dengan memberi peluang kepada tawanan tersebut untuk menebus diri mereka dengan membayar wang tebusan, dan bagi yang tidak mampu mereka dikehendaki mengajar 10 anak orang orang Islam sehingga pandai barulah mereka dapat menebus diri mereka. Mengikut **Riwayat Abdullah Ibn Masud**, Nabi SAW pada hari peristiwa peperangan Badar, Nabi SAW bertanya Saidina Abu Bakar tentang tawanan perang. Pendapat Saidina Abu Bakar adalah mereka hendaklah membayar wang tebusan. Saidina Umar berpendapat mereka hendaklah dibunuh, manakala Abdullah Ibn Rawahah berpendapat supayadikumpul kayu api dan bakar mereka semua. Pada mulanya Nabi SAW hanya mendengar pendapat para sahabatnya, sehingga beberapa ketika selepas itu, Rasulullah bersabda: **Sesungguhnya Allah melalui sifat-Nya yang Maha lembut dan kasih sayang boleh melembutkan hati seseorang menjadi terlebih lembut dari air susu. Dan**

Allah melalui sifatnya yang gagah perkasa boleh menjadikan hati seseorang itu lebih keras dari batu. Allah umpamakan sikap Saidina Abu Bakar seumpama Nabi Ibrahim yang sentiasa lemah lembut menyayangi kaumnya. Sementara Saidina Umar diumpamakan Nabi Isa yang tegas menghadapi kaumnya.

- [77] Jelas daripada peristiwa di atas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW bersifat lembut dalam menjatuhkan sesuatu hukuman.
- [78] Bagi hukuman Denda, Mahkamah berpendapat hukuman melalui pembayaran denda adalah suatu hukuman yang boleh dikatakan ringan terutama bagi individu-individu yang berkemampuan. Namun Mahkamah berpendapat takat hukuman denda maksima RM 5,000 itu menjadi sesuatu bagi mereka yang tidak berkemampuan.
- [79] Dalam kes ini, OKT mengakui tidak mempunyai pekerjaan tetap serta melakukan pekerjaan yang pelbagai menjadikan pendapatan bulanan beliau tidak menentu. Malah OKT mengakui 'berhutang sekeliling pinggang' menampakkan yang beliau tidak mempunyai kewangan yang stabil. Oleh demikian itu amatlah wajar dipertimbangkan bagi OKT dikenakan denda bagi memberi satu pengajaran kepada OKT. Dengan tindakan beliau melakukan kesalahan ini akan menyukarkan lagi kehidupannya yang susah tersebut. Alangkah baiknya sekiranya denda yang dikenakan ke atas beliau boleh digunakan untuk tujuan lain bagi kebaikan OKT sendiri.

[80] Bagi hukuman penjara pula, Mahkamah berpendapat hukuman melalui pemenjaraan adalah satu hukuman yang memberikan akibat berpanjangan ke atas seseorang pesalah. Ini kerana sekali pesalah dimasukkan ke dalam penjara, maka statusnya sebagai banduan akan kekal sampai akhir hayatnya. Justeru itu, menjadi satu kebiasaan dalam kesalahan jenayah Syariah, bagi kesalahan kali pertama Mahkamah masih mencari pertimbangan yang wajar dengan mengelakkan pesalah dari hukuman penjara, melainkan kes itu adalah suatu kes yang amat berat dan keadaan fakta dan latarbelakang pesalah dirasakan perlu dikenakan dengan hukuman tersebut. Mahkamah melihat bahawa Penjara yang ada pada masa kini adalah menempatkan pesalah-pesalah jenayah yang berbagai-bagai kategori jenayah dari Mahkamah Sivil,justeru kadang-kadang ia boleh membawa kepada berbagai-bagai keburukan seperti menjadi tempat latihan jenayah, perbuatan tidak bermoral dan sebagainya. Ini kerana pihak penjara menggunakan prosedur dan lokasi yang sama bagi pesalah jenayah Sivil dan juga pesalah jenayah Syariah, sedangkan kategori kedua-dua jenayah itu adalah berbeza.

[81] Merujuk kes OKT dalam kes ini, Mahkamah berpendapat peluang masih boleh diberi bagi kesalahan kali pertama ini dan juga pengakuan bersalah yang dibuat, dengan pertimbangan bahawa OKT telah menyedari kesalahan yang telah dibuat, dan diberi peluang untuk mengubah dan memperbaiki syahksiah diri agar tidak lagi terjerumus dalam kesalahan yang sama. Justeru itu, jika OKT gagal mengubah dan memperbaiki diri sehingga masih meneruskan perkara yang sama, maka perlu ditahan untuk diberikan suatu pengajaran beserta pemulihan.

- [82] Bagi hukuman sebat pula, Mahkamah berpendapat sebatan Syariah adalah suatu sebatan yang ringan, kerana ia bukan bertujuan mengazabkan atau mencederakan pesalah, sebaliknya untuk memberikan peringatan, pengajaran dan pencegahan kepada pesalah dan juga masyarakat secara umumnya. Sebatan Syariah amat jauh berbeza dengan sebatan Sivil yang sememangnya mengazabkan, mencederakan serta menyakitkan pesalah.
- [83] Merujuk kepada kes OKT, Mahkamah berpendapat ada kewajaran hukuman sebat dikenakan kerana kesalahan adalah melibatkan kesalahan jenayah seksual. Walaubagaimanapun, Mahkamah mendapati OKT telah mengaku bersalah dan menyedari serta menginsafi perbuatan salah itu dan juga kesalahan adalah kali pertama, telah mengajar OKT untuk menerus melakukan atau berhasrat melakukan perkara yang sama.
- [84] Oleh itu, Mahkamah berpendapat hukuman yang patut dikenakan ke atas OKT setelah Mahkamah mengambilkira semua pertimbangan yang wajar, mengambilkira kesesuaian ke atas setiap OKT secara peribadi, bagi kesalahan kali pertama, latarbelakang diri dan kesan hukuman serta peluang bagi OKT, mengambilkira kepentingan umum bahawa hukuman yang dikenakan bukan sahaja menginsafkan OKT agar tidak mengulangi kesalahannya bahkan berharap pengajaran juga dirasakan oleh masyarakat awam yang lain.

[85] Justeru itu, Mahkamah menetapkan hukuman kepada OKT dengan hukuman berbentuk **denda sebanyak RM4,000.00 atau 6 bulan penjara sekiranya gagal membayar. Hukuman berkuatkuasa serta merta. Manakala barang-barang kes yang telah ditandakan dihapuskan kecuali wang tunai RM250.00 dan telefon bimbit Jenama YES 4G di dalam kes ini hendaklah dikembalikan kepada OKT. Pelupusan dan pemberian balik barangan tersebut hendaklah dibuat dalam masa 14 hari dari tarikh perintah ini.**

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada hari Isnin 4 Rabiul Awal 1440 bersamaan 12 November 2018.

METERAI

.....

HAKIM SYARIE